

## UCAPAN PERDANA MENTERI DI HARI TERBUKA PUSAT PENYELIDIKAN PERUBATAN DI KUALA LUMPUR PADA 18<sup>HB</sup> SEPTEMBER, 1971

Y.B. Tan Sri Sardon,<sup>1</sup> Tuan Pengarah I.M.R.,<sup>2</sup> Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas kesempatan yang amat berharga bagi saya untuk melawat Pusat Penyelidikan Perubatan dan juga penghormatan untuk merasmikan "Hari Terbuka" I.M.R. yang pertama ini.

Pusat Penyelidikan atau I.M.R. ini, sejak mula didirikan tujuh puluh tahun dahulu, sungguh telah banyak berjasa, terutama dalam usaha meninggikan tingkatan kesihatan rakyat. Oleh itu sungguhlah bertepatan dengan masanya kegiatan-kegiatan di Pusat Penyelidikan ini mendapat perhatian yang lebih luas dari orang ramai supaya mereka benar-benar faham segala langkah dan usaha Kerajaan untuk kebajikan dan kesihatan mereka.

Kerajaan sentiasa sedar bahawa perubatan moden, samada curative (penyembuh) atau preventive (pencegah), banyak bergantung pada bidang teknologi yang lengkap, iaitu alat-alat yang perlu bagi melakukan kerja-kerja penyelidikan yang teliti. Hanya dengan menjalankan applied research terus-menerus dalam keadaan tempatan, barulah dapat kita mengekalkan standard yang tinggi setiap masa.

Dalam hubungan ini, bolehlah kita berbangga bahawa sejak I.M.R. ini ditubuhkan, ia telah memainkan peranan yang aktif sebagai perintis dalam beberapa lapangan perubatan untuk mencegah penyakit. Di antaranya dapat disebut penyakit malaria, beri-beri, kepialu dan lain-lain penyakit tropika yang mudah berjangkit.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Semenjak dua puluh tahun yang lepas, kita melihat perkembangan-perkembangan pesat di bidang pengetahuan dan teknologi perubatan. Dari pengalaman pihak-pihak berkenaan, pengetahuan

---

<sup>1</sup> Menteri Kesihatan, 1971-1974.

<sup>2</sup> Datuk Abu Bakar bin Ibrahim—bersara pada 27hb November, 1971.

serta teknologi baru ini hanya dapat dipergunakan sepenuhnya dalam keadaan yang teratur dan tersusun kerana barulah segala kemahiran dan alat-alat khas itu boleh digunakan dengan sempurna. Seluruh kemahiran yang ada terdapat hendaklah disalurkan untuk mencapai hasil-hasil yang baik di samping melatih lebih ramai lagi kakitangan teknikal pada semua lapangan. Pendek kata, dengan demikian dapatlah digabungkan kemahiran, dedikasi dan alat-alat untuk membawa hasil yang dikehendaki sepenuhnya.

Tidak boleh dinafikan bahawa penyelidikan perubatan moden menghendaki penyesuaian teknik serta cara penyelidikan dalam beberapa jurusan. Ini termasuklah bidang-bidang biology, social dan mathematical science, dan juga computer teknologi.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Menyebut tentang I.M.R. ini, saya telah berpeluang melawatnya pertama kali empat tahun yang lalu semasa Allahyarham Dr Ungku Omar Ahmad menjadi Pengarahnya waktu itu. Saya rasa I.M.R. sungguh bertuah mendapat ketuaan yang dinamik di bawah Dr Ungku Omar dan saya gembira sekali melihat pegawai-pegawai yang bertugas di sini menjalankan kewajipan mereka dengan penuh minat dan dedikasi.

Kalau tidak salah ingatan saya, pada waktu itu mereka sedang merancang pembangunan masa depan Pusat ini di samping menyusun semula perkhidmatan pemindahan darah (blood transfusion), national pathological laboratory services, serta mendirikan Sekolah Laboratory Teknologi Perubatan untuk melaksanakan projek latihan segera untuk memenuhi keperluan-keperluan Laboratory Technician yang terlatih dalam negara.

Saya berpuas hati melihat rancangan-rancangan ini sedang dilaksanakan dengan baik, termasuk juga bekerjasama dan menyertai dengan lebih berkesan projek-projek penyelidikan serantau menerusi SEAMEO dan ASEAN, dan juga badan-badan antarabangsa yang lain.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya ingin menyentuh sedikit dasar pembangunan negara seperti yang ternyata dalam Rancangan Malaysia Kedua. Seperti yang seringkali saya kata di masa-masa lepas, seluruh dasar dan programme dalam Rancangan Malaysia Kedua adalah bertujuan

hendak membetulkan keadaan masyarakat kita yang tidak seimbang, dengan cara menyusun semula masyarakat. Adalah harapan kita, dalam satu jangka masa kelak, kita akan dapat mengadakan perseimbangan ekonomi yang boleh membawa kepada penubuhan negara yang adil, saksama dan harmoni seperti dinyatakan dalam Rukunegara.

Dasar Ekonomi Baru yang kita jalankan sekarang ini sudah barang tentu memerlukan langkah-langkah yang efektif untuk membaiki jentera pentadbiran untuk perancangan dan pelaksanaannya. Kerajaan sentiasa sedar mustahaknya kita membaiki serta meluaskan kemampuan pelaksanaan rancangan-rancangan itu. Kita tahu pelaksanaan tidaklah semata-mata bermakna menjalankan projek-projek yang disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Kedua. Perancangan tidaklah berakhir setelah pelan-pelan dan rencana-rencana rancangan itu dibukukan. Sebaliknya, jentera pelaksanaan mestilah diminyak dan berjalan lancar setiap masa, mengubah dasar dan rancangan menjadi programme dan projek—to translate the plans and policies into subsequent programmes and projects.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya rasa adalah perlu ditegaskan bahawa objektif utama Dasar Ekonomi Baru ialah untuk menimbulkan satu keadaan baru di mana akan bertumbuh semangat perpaduan dan harmony untuk membolehkan rakyat menikmati bersama kemajuan dan kemewahan negara ini.

Setakat yang berhubung dengan lapangan kemasyarakatan, di bawah Rancangan Malaysia Kedua ini bidang kesihatan, Perumahan dan lain-lain perkhidmatan masyarakat akan diperluaskan serta diperbaiki lagi.

Matlamat utama dalam rancangan kesihatan ialah membaiki kemudahan-kemudahan di kawasan luar bandar disamping melegakan kesesakan di hospital-hospital kita. Berhubung dengan ini, saya sukacita mendapat tahu bahawa satu bahagian baru, iaitu Bahagian Kesihatan Luar Bandar dan Penyelidikan telah ditubuhkan di IMR. Ini adalah satu langkah yang baik dan tepat dengan kehendak masa.

Seperti saya katakan tadi, Kerajaan yang saya pimpin sedar mustahaknya menggalakkan usaha-usaha penyelidikan dalam apa jua bidang pembangunan. Sesuai dengan keperluan inilah Kerajaan membentuk badan-badan seperti MARDI, NISIR dan lain-lain khusus untuk menjalankan penyelidikan dalam lapangan tertentu.

Bagaimanapun, faktor besar yang membataskan scope penyelidikan ialah kekurangan ahli-ahli penyelidikan tempatan yang berkecayaan. Dalam tahun-tahun akan datang, keperluan-keperluan tenaga penyelidik seluruh negara akan terus meningkat, terutama ahli-ahli sains yang berkecayaan. Untuk memenuhi keperluan ini, mustahaklah diadakan seberapa segera rancangan latihan yang lengkap supaya kita dapat mengadakan ahli-ahli sains kita yang terlatih dan berkecayaan.

Pengalaman-pengalaman dari Rancangan Malaysia Pertama menunjukkan bahawa tekanan yang amat dirasakan dalam kecayaan pelaksanaan rancangan-rancangan Kerajaan atau public sector ialah kekurangan kakitangan teknikal dan pengurusan. Kekurangan-kekurangan ini disebabkan oleh beberapa perkara, antara sebab yang terkemuka ialah kesulitan mendapatkan pegawai yang berkecayaan dan berpengalaman yang sanggup kekal dalam perkhidmatan Kerajaan.

Disamping itu, Kerajaan merasakan kekurangan pegawai-pegawai pentadbir yang cekap dan juga pekerja-pekerja dalam beberapa cawangan oleh kerana banyak lapangan-lapangan lain menghendaki perkhidmatan mereka. Dengan adanya programme pembangunan yang lebih luas di bidang perindustrian, Kerajaan terpaksa berlumba dengan pihak swasta atau private sector mendapatkan tenaga pengurusan dan teknik.

Bagaimanapun, Kerajaan telahpun mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengatasi masalah ini. Buat langkah sementara, kita terpaksa mengambil tenaga luar dari negara-negara sahabat. Kita berterima kasih kepada negara-negara itu kerana membantu kita, meskipun mereka sendiri kekurangan, dengan tenaga doktor, guru, pensyarah dan jurutera yang dikehendaki seberapa segera.

Dalam pada itu, kita meletakkan keutamaan atau priority kepada bidang latihan dalam Rancangan Malaysia Kedua. Kerajaan akan juga membaiki kelemahan-kelemahan dalam usaha untuk

mengekalkan perkhidmatan mereka dengan membaiki susunan tangga gaji dan membukakan peluang-peluang untuk kenaikan pangkat.

Pendek kata, saya boleh mengakui di sini, khasnya kepada tuan-tuan dan puan-puan dalam perkhidmatan perubatan, bahawa Kerajaan akan memberikan pertimbangan yang saksama kepada tuntutan pegawai professional. Disamping itu saya sukalah juga menegaskan bahawa setiap kita mempunyai obligation kepada negara yang dikasihi ini, dan seharusnya pula kita berbakti sedaya upaya kita demi kepentingan dan kebajikan negara.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Pada kesempatan ini, sukalah saya menyatakan pujian dan tahniah kepada Pengarah IMR, Pegawai-pegawai dan kakitangannya kerana inisiatif dan usaha mereka mengadakan "Hari Terbuka" atau Open Day ini. Saya harap ia akan menjadi peristiwa tahunan dan dengan itu Pusat ini dan kegiatan-kegiatan yang dijalankan olehnya akan lebih terkenal bukan saja kepada dunia luar bahkan lebih penting lagi kepada orang-orang kita sendiri.

Sekarang saya dengan segala sukacita merasmikan "Hari Terbuka" IMR ini.